

30 JUN 2000

MAHATHIR HADIRI MAJLIS PERKAHWINAN ANAK PEREMPUAN RAIS

KUALA LUMPUR, 30 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menghadiri majlis persandingan anak perempuan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim, di sini.

Majlis itu yang berlangsung di Hotel Hilton Kuala Lumpur turut dihadiri oleh Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah turut merenjis air mawar kepada kedua-dua mempelai Malini Rais, 23, dan Dr Raja Badrul Hisham Raja Zazman Shah, 32.

Antara kenamaan yang hadir ialah Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Jaa'far dan Tuanku Ampuan Tuanku Najihah, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri Datin Seri Hendon Mahmood dan menteri-menteri Kabinet serta kerabat Diraja Negeri Sembilan.

Malini, eksekutif pentadbiran sebuah firma guaman di sini, ialah anak sulung perempuan tunggal daripada empat adik beradik.

Dr Raja Badrul Hisham, ialah doktor bedah di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM), Cheras.

-- BERNAMA

NM RI